

Kerjasama dengan 19 organisasi

Bukit Mertajam: Politeknik Seberang Perai (PSP) mencipta sejarah tersendiri dan mengorak langkah dengan menandatangani Surat Hasrat (LOI) bersama 19 organisasi, institusi dan pemain industri dalam usaha membina jaringan kerjasama serta hubungan yang lebih efisien.

Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Latihan Kerjaya Politeknik Malaysia, Mohd Ghaus Ab Kadir berkata, langkah itu adalah untuk memperkaskan kebolehan pasaran graduan politeknik dan menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang kepakaran yang relevan.

Beliau berkata, antara kerjasama dirangka ialah perkongsian pintar, pemin-
dahan teknologi dan kepa-

“Kerjasama ini adalah kolaborasi dalam pelbagai bentuk dan bidang kepakaran bersesuaian”

Mohd Ghaus Ab Kadir

karan dalam bidang perdagangan, elektrik, mekanikal, teknologi maklumat, perakaunan serta logistik.

“Kerjasama ini adalah kolaborasi dalam pelbagai bentuk dan bidang kepakaran yang bersesuaian membabitkan pelajar, pensyarah, organisasi, institusi serta pemain industri.

“Jaringan kerjasama ini sudah wujud sejak sekian lama dan bagi melihat kesan

dengan lebih aktif dan efektif, LOI dibuat supaya ia lebih terancang untuk kebajikan semua pihak,” katanya.

Mohd Ghaus berkata, pada masa akan datang, semua syarikat dan organisasi terbabit dicadangkan mengadakan LOI supaya bentuk kerjasama akan dijalin lebih terancang.

Terdahulu, Mohd Ghaus menyaksikan majlis menandatangani LOI antara Pengarah PSP, Zulkifli Ariffin dengan 19 organisasi dan industri berlangsung di PSP, semalam.

Antara organisasi terbabit ialah Altel Communication Sdn Bhd, Enter Corridor Training Centre, Inari Technology Sdn Bhd, Intelifix Engineering dan Institut Kemahiran Belia Negara Bukit Mertajam.



MOHD Ghaus (tiga dari kanan) beramah mesra bersama wakil organisasi, institusi dan pemain industri selepas majlis menandatangani LOI.

Harian Metro Khamis 22.5.2014 ms 52 selepas majlis.